

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN INDUSTRI HIJAU

INDUSTRI PEMBUATAN SANTAN



JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA





GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AMALAN INDUSTRI HIJAU

INDUSTRI PEMBUATAN SANTAN

HAK CIPTA TERPELIHARA
JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTEC)

CETAKAN PERTAMA
NOVEMBER 2018



PENASIHAT
TN. HJ. ISMAIL ITHNIN

EDITOR
**ZURAINI SIAM
ABDUL AZIZ CHIK
NORLAILI OTHMAN
NORAINI BAHAROM**

PENYEDIA BAHAN
DR. TENAGA SOLUTION





ISI KANDUNGAN

1	PENGENALAN	1
2	TUJUAN	2
3	SKOP GARIS PANDUAN	3
4	TERMA-TERMA YANG DIGUNAKAN	4
5	KEPERLUAN PELAKSANAAN AMALAN INDUSTRI HIJAU	6
6	KAEDAH PELAKSANAAN GARIS PANDUAN AMALAN INDUSTRI HIJAU	7
7	FASA 1: PERANCANGAN	8
	7.1 Pra Audit (Penilaian Kualitatif)	8
8	FASA 2: AMALAN INDUSTRI HIJAU	10
	8.1 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Proses Penghasilan Produk Santan	10
	8.2 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penggunaan Bahan Mentah & Produk	15
	8.3 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penggunaan Tenaga Elektrik (Ringkasan Mengikut Utiliti, Unit Operasi)	17
	8.4 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penggunaan Bahan Bakar	18
	8.5 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penggunaan Air	20
	8.6 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penghasilan Air Sisa	20
	8.7 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Proses Penghasilan Sisa Pepejal	20
	8.8 Kadar Penggunaan Elektrik, Air dan Diesel serta Penghasilan Sisa Air dan Sisa Pepejal bagi penghasilan 1kg Santan di Premis	21
	8.9 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penilaian Risiko Kesihatan dan Keselamatan	22
	8.10 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penilaian Tatasusun	24
	8.11 Rumusan Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau	25
	8.12 Penganggaran Emisi Karbon Dioksida Premis dan Mengenalpasti Kawasan Tumpuan	25
	8.12.1 Faktor Emisi Karbon	25
9	FASA 3: PENJANAAN OPSYEN INDUSTRI HIJAU	27
	9.1 Metodologi Penjanaan Opsyen	27
	9.2 Cadangan Opsyen	28
10	FASA 4: PENILAIAN DAN OPSYEN INDUSTRI HIJAU	32
	10.1 Penilaian Keperluan Sumber	32
	10.2 Penilaian Pulangan yang Diperolehi	33
	10.3 Pengurangan Emisi Karbon Dioksida	36
11	FASA 5: PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN OPSYEN INDUSTRI HIJAU	38
12	FASA 6: PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN	40
13	KESIMPULAN	41
14	RUJUKAN	42





SENARAI JADUAL

Jadual 7-1	Senarai Aktiviti Semasa Walkthrough di Industri	8
Jadual 8-1	Maklumat Proses/Unit Operasi untuk Penghasilan Serbuk Santan	11
Jadual 8-2	Maklumat Proses/Unit Operasi untuk Pengeluar Santan Cecair	13
Jadual 8-3	Kuantiti Bahan Mentah dan Produk dalam Penghasilan Santan Cecair	15
Jadual 8-4	Kuantiti Bahan Mentah dan Produk dalam Penghasilan Serbuk Santan	16
Jadual 8-5	Penggunaan Tenaga Elektrik di Industri Santan	17
Jadual 8-6	Kecekapan dan Kerugian Dandang Berdasarkan Pembakaran Bahan Api	18
Jadual 8-7	Tahap Lebihan Udara Bagi Pembakaran yang Optimum	18
Jadual 8-8	Kadar Penggunaan Air	20
Jadual 8-9	Kuantiti dan Kualiti Effluen Perindustrian	20
Jadual 8-10	Kuantiti Penghasilan Sisa Pepejal dan Buangan Terjadual	21
Jadual 8-11	Penghasilan 1kg Produk Santan Cecair	21
Jadual 8-12	Penghasilan 1kg Produk Serbuk Santan	21
Jadual 8-13	Penilaian Kualitatif Terhadap Risiko di Industri	22
Jadual 8-14	Penilaian Tatasusun di Premis	24
Jadual 8-15	Rumusan Penggunaan dan Penjanaan Entiti	25
Jadual 8-16	Faktor Emisi Karbon Setara	26
Jadual 8-17	Penghasilan Emisi Karbon Dioksida	26
Jadual 9-1	Penjanaan Opsyen Industri Hijau	27
Jadual 9-2	Cadangan Opsyen Tanpa Kos untuk Premis Pengeluar Santan Cecair	29
Jadual 9-3	Cadangan Opsyen Kos Rendah untuk Premis Pengeluar Santan Cecair	29
Jadual 9-4	Cadangan Opsyen Kos Tinggi untuk Premis Pengeluar Santan Cecair	30





Jadual 9-5	Cadangan Opsyen Tanpa Kos untuk Premis Pengeluar Serbuk Santan	30
Jadual 9-6	Cadangan Opsyen Kos Rendah untuk Premis Pengeluar Serbuk Santan	31
Jadual 9-7	Cadangan Opsyen Kos Tinggi untuk Premis Pengeluar Serbuk Santan	31
Jadual 10-1	Penilaian Keperluan Sumber	32
Jadual 10-2	Pulangan yang Diperolehi	33
Jadual 10-3	Rumusan Penjimatan Bagi Semua Opsyen yang Dicadangkan untuk Pengeluar Santan Cecair	35
Jadual 10-4	Penjimatan Bagi Semua Opsyen yang Dicadangkan untuk Pengeluar Serbuk Santan	36
Jadual 10-5	Penjimatan Emisi CO ₂ intensity (CEI) untuk Pengeluar Santan Cecair	36
Jadual 10-6	Penjimatan Emisi CO ₂ intensity (CEI) untuk Pengeluar Serbuk Santan	37
Jadual 11-1	Sasaran Pencapaian Am Opsyen Industri Hijau dan Aspek Pemantauan	38



SENARAI RAJAH

Rajah 8-1 Proses Penghasilan Santan Secara Umum	11
Rajah 8-2 Carta Alir Proses Penghasilan Serbuk Santan	12
Rajah 8-3 Carta Alir Proses Penghasilan Santan Cecair	14
Rajah 8-4 Penggunaan Bahan Mentah dalam Penghasilan Santan Cecair	15
Rajah 8-5 Penggunaan Bahan Mentah dalam Penghasilan Serbuk Santan	16
Rajah 8-6 Kecekapan Dandang Berdasarkan Pembakaran Bahan Api	19





KATA ALUAN

GARIS Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau Bagi Industri Pembuatan Santan disediakan khusus kepada usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berkecimpung dalam industri pembuatan santan untuk melaksanakan amalan Industri Hijau melalui Konsep Pengeluaran Bersih (CP) dalam aktiviti harian di premis bagi mewujudkan premis pembuatan santan yang lebih mesra alam dan meningkatkan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Saya amat berbesar hati dengan penerbitan garis panduan ini memandangkan industri pembuatan santan di Malaysia mempunyai peluang besar untuk meneroka pasaran di dalam dan luar negara.

Garis panduan ini telah disusun dan dipilih sebaik mungkin berdasarkan operasi di premis pembuatan santan di Malaysia dan mengikuti fasa audit Pengeluaran Bersih supaya pengusaha kilang pembuatan santan sama ada pembuatan santan serbuk mahupun cecair boleh menggunakan Garis Panduan ini untuk melaksanakan Amalan Industri Hijau di premis dengan mudah dan lancar.

Adalah diharapkan dengan penerbitan Garis Panduan ini akan dapat membantu pengusaha santan melaksanakan Amalan Industri Hijau secara sistematik, beroperasi tanpa mencemarkan serta dapat meminimalkan kesan kepada alam sekitar. Jabatan Alam sekitar akan meneruskan usaha-usaha dalam mempromosikan inisiatif Amalan Industri Hijau kepada semua sektor industri di Malaysia termasuk industri pembuatan santan.

DATO' DR. AHMAD KAMARULNAJUIB B. CHE IBRAHIM
Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Malaysia







PENGENALAN

Santan dalam masakan bagi masyarakat di Malaysia adalah amat sinonim sekali. Kebanyakan masakan tradisional di Malaysia dari nasi lemak hinggalah ke kari menggunakan santan sebagai ramuan utama.

Santan merupakan cecair yang terhasil daripada parutan isi kelapa. Hampir keseluruhan kandungan santan merupakan lemak tepu. Oleh kerana penggunaannya sebagai sebahagian bahan asas untuk masakan dari dahulu hingga sekarang, kaedah penghasilan santan juga turut berkembang di samping permintaan terhadapnya turut meningkat dari semasa ke semasa.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) menerusi Unit Industri Hijau (UIH) telah dan sedang melaksanakan program Pengeluaran Bersih atau Cleaner Production (CP). CP ialah pengaplikasian berterusan terhadap strategi pencegahan alam sekitar bersepadu ke atas proses, produk dan perkhidmatan yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan secara menyeluruh dan mengurangkan risiko kepada manusia dan alam sekitar.

Dalam meneruskan agenda CP tersebut, pihak JAS melaksanakan pendekatan baru dengan menjalankan program Amalan Industri Hijau. Program tersebut merupakan satu strategi bagi membantu industri mencapai kecekapan eko seterusnya pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Antara ciri-ciri Industri Hijau ialah penggunaan bahan mentah asli yang minima, proses pengeluaran yang menggunakan air, tenaga dan bahan yang minima serta bebas dari bahan berbahaya dan boleh kitar semula aliran sisa pepejal.





TUJUAN

Garis Panduan Amalan Industri Hijau (AIH) dalam penghasilan santan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan panduan kepada pengilang-pengilang di Malaysia berhubung Amalan Industri Hijau yang boleh dipraktikkan di premis mereka. Penjanaan sisa, kos rawatan yang terlibat, penggunaan tenaga dan kawalan serta pencegahan pencemaran alam sekitar dari peringkat awal adalah antara aspek yang ditekankan dalam AIH. Penyediaan garis panduan AIH ini adalah berdasarkan hasil dari kerja-kerja audit terperinci yang telah dilaksanakan di premis yang terpilih. Amalan Industri Hijau yang dicadangkan di dalam AIH merupakan pelaksanaan yang lebih praktikal untuk diadaptasikan dan tidak melibatkan kos yang membebankan.

Hasil daripada pelaksanaan AIH, pengilang serta pengusaha akan memperolehi pelbagai faedah termasuk peningkatkan kecekapan, penjimatan tenaga, penjimatan penggunaan bahan mentah, peningkatan produktiviti, ke arah kepada mewujudkan persekitaran kilang yang lebih bersih, selamat, teratur, peningkatan produk yang berkualiti tinggi dan seterusnya mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.





SKOP GARIS PANDUAN

Garis panduan ini meliputi prinsip-prinsip pelaksanaan amalan Industri Hijau dan mengandungi penerangan tentang tatacara pelaksanaan amalan Industri Hijau di premis pembuatan santan. Ia menerangkan kaedah-kaedah di peringkat perancangan, pengauditan, pengutamaan, pelaksanaan dan pemantauan prestasi bagi opsyen-opsyen Industri Hijau yang boleh dijadikan rujukan untuk perusahaan-perusahaan pembuatan santan di Malaysia ke arah pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (AKAS 1974). Pelaksanaan amalan Industri Hijau menasarkankan kepada pematuhan dalam semua aspek termasuk air sisa, sisa pepejal, buangan terjadual, pelepasan udara dan keselamatan pekerja. Di samping itu, amalan ini boleh mengurangkan emisi karbon dioksida premis.

Garis panduan ini boleh digunakan sebagai rujukan secara berasingan atau sebagai rujukan tambahan kepada dokumen berkenaan piawaian industri pembuatan santan. Sekiranya keterangan dalam garis panduan ini menjejaskan keperluan spesifik mana-mana program piawaian industri berkenaan, dokumen piawaian industri tersebut patut diguna pakai.





TERMA-TERMA YANG DIGUNAKAN

Bagi tujuan pelaksanaan garis panduan ini, terma-terma dan maksud terma seperti berikut adalah diterima pakai:

Amalan Industri Hijau	Strategi pembangunan dan pengeluaran perindustrian yang dijalankan tanpa menjejaskan kualiti alam sekitar atau kesihatan manusia.
Opsyen Industri Hijau	Usaha, projek atau sebarang inisiatif yang dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan penghasilan emisi karbon dioksida.
Jejak Karbon	Ukuran emisi gas rumah hijau yang dikaitkan dengan sesuatu individu, proses atau produk bagi menggambarkan impak kepada alam sekitar (sering dikaitkan dengan fenomena perubahan iklim) dalam keseluruhan kitar hayat.
Gas Rumah Hijau	Unsur gas dalam atmosfera yang boleh menyumbang kepada fenomena rumah hijau atau pemanasan global. Gas yang dirujuk termasuk karbon dioksida, metana, nitrus oksida, hidrokarbon, perflorokarbon dan sulfur heksaflorida.
CO ₂ e	Carbon Dioxide Equivalent adalah unit perbandingan untuk menilai sesuatu GHG dengan karbon dioksida.
Global Warming Potential	Perbandingan potensi pemanasan global sesuatu GHG berbanding karbon dioksida.
Piawaian	Merujuk kepada satu dokumen yang menerangkan prinsip dan keperluan bagi mencapai sesuatu tahap pengiktirafan.
Entiti asas	Komponen-komponen yang digunakan atau dihasilkan dan menyumbang kepada penghasilan emisi karbon dioksida. Ia terdiri daripada tenaga elektrik, air, bahan api, sisa pepejal dan air sisa.
Isu	Aspek-aspek di premis yang dikenalpasti sebagai penyumbang kepada penghasilan emisi karbon dioksida.





Premis	Kawasan perusahaan termasuk kawasan pemrosesan, penstoran, pengolahan efluen perindustrian dan pentadbiran.
IPCC	Intergovernmental Panel on Climate Change
AKAS 1974	Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
Kawasan Tumpuan	Aspek yang paling menyumbang kepada penghasilan emisi karbon dioksida dan mempunyai peluang penambahbaikan yang paling tinggi
CIP	Clean-in-Place
SPEP	Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian





KEPERLUAN PELAKSANAAN AMALAN INDUSTRI HIJAU

Garis panduan ini dibangunkan untuk memberi panduan kepada perusahaan-perusahaan pembuatan santan bagi melaksanakan amalan Industri Hijau di premis. Garis panduan ini juga boleh digunakan sebagai rujukan bagi perunding yang ingin melaksanakan amalan Industri Hijau di premis pembuatan santan atau yang berkaitan.

Garis panduan ini mengumpulkan tatacara mudah yang dapat dilaksanakan di premis bagi memperoleh pulangan-pulangan dengan kadar yang cepat. Usaha-usaha ini dikaitkan terus dengan potensi pengurangan emisi karbon dioksida di premis dan memfokuskan entiti-entiti lazim yang menyumbang terhadap penghasilan emisi gas rumah hijau.

Pelaksanaan amalan Industri Hijau di premis pembuatan santan diharapkan dapat mewujudkan premis yang lebih bersih, cekap dan berproduktiviti tinggi, di samping pengoperasian yang lebih mesra alam.



KAEDAH PELAKSANAAN GARIS PANDUAN AMALAN INDUSTRI HIJAU

Garis panduan ini telah direka dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang pengguna dari segi kepakaran dan pengalaman dalam industri pembuatan santan. Garis panduan ini boleh digunakan untuk merangka pelan pelaksanaan amalan Industri Hijau berdasarkan peringkat-peringkat pelaksanaan. Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah membangunkan kaedah-kaedah piawai bagi proses pengauditan, penilaian, pemantauan dan penyediaan laporan berkaitan dengan pelaksanaan amalan Industri Hijau di premis.

Garis panduan ini adalah selaras dengan keperluan, format dan kehendak Jabatan Alam Sekitar Malaysia dalam membangunkan amalan Industri Hijau bagi mencapai peningkatan sasaran pematuhan industri terhadap AKAS 1974, khususnya untuk industri pembuatan santan.

Pelaksanaan amalan Industri Hijau di premis memerlukan rangka kerja yang berstruktur dan terancang. Ini amat penting bagi memastikan pengumpulan maklumat adalah lengkap. Garis panduan ini telah dibangunkan dalam fasa-fasa berikut:

- Fasa I : Perancangan
- Fasa II : Audit Amalan Industri Hijau
- Fasa III : Penjanaan Opsyen Industri Hijau
- Fasa IV : Penilaian Pulangan Amalan Industri Hijau
- Fasa V : Pelaksanaan dan Pemantauan
- Fasa VI : Penambahbaikan Berterusan





FASA 1: PERANCANGAN

7.1 Pra Audit (Penilaian Kualitatif)

Pra audit dijalankan bagi mendapatkan latar belakang dan maklumat awal berkaitan syarikat yang akan diaudit. Maklumat utama yang perlu dikumpul adalah maklumat berkaitan proses dan semua aktiviti yang dijalankan di syarikat. Maklumat ini akan digunakan sebagai asas panduan bagi menentukan fokus dan tahap kedalaman audit yang akan dijalankan.

Lazimnya, proses pra audit dijalankan dengan menggunakan kaedah penilaian lawatan tapak (*walkthrough*). Jadual 7-1 berikut menerangkan secara menyeluruh mengenai proses *walkthrough*. Senarai semak bagi aktiviti *walkthrough* boleh digunakan sebagai panduan bagi membantu juruaudit untuk mengenalpasti isu atau masalah utama di premis. Contoh senarai semak adalah diberikan di **Lampiran 1**.

Jadual 7-1 Senarai Aktiviti Semasa *Walkthrough* di Industri

Aktiviti	<i>Walkthrough</i>
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti sumber, tenaga, dan kadar penggunaan tenaga elektrik yang digunakan dan mengenalpasti punca berlakunya pembaziran penggunaan tenaga elektrik. • Mengenalpasti jenis, kuantiti dan kadar penggunaan bahan bakar yang digunakan dan mengenalpasti punca berlakunya pembaziran penggunaan bahan bakar. • Mengenalpasti sumber, kuantiti dan kadar penggunaan air yang digunakan dan mengenalpasti punca berlakunya pembaziran penggunaan air. • Mengenalpasti punca-punca dan kuantiti-kuantiti penghasilan air sisa dan mengenalpasti langkah-langkah pengurangan penghasilan air sisa. • Mengenalpasti punca-punca, kuantiti dan langkah-langkah pengurangan penghasilan air sisa pepejal/berbahaya. • Mengenalpasti dan mengukur penggunaan sumber manusia dan masa pemrosesan dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi aspek kualiti produk dan produktiviti. • Mengenalpasti jenis-jenis sisa terhasil, kadar penjaan sisa, ciri-ciri sisa terhasil dan sumber-sumber serta kaedah penjaan sisa yang sedia ada
	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti jenis-jenis bahan dan aktiviti-aktiviti yang menyumbangkan risiko kesihatan dan keselamatan.





Kawasan sasaran	<ul style="list-style-type: none">• Kawasan pemprosesan• Bahagian pentadbiran• Bahagian-bahagian sokongan yang ada:<ul style="list-style-type: none">○ Penyimpanan○ Pelupusan○ Penjanaan
Metadologi pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none">• Mesyuarat Pembukaan Audit dan Latihan <i>Hands On AIH</i>• Audit <i>Desktop</i>• Pemeriksaan Tapak• Pengukuran Data di Lapangan• Analisa Data• Penulisan Laporan• Laporan Akhir
Bahan rujukan	<ul style="list-style-type: none">• Carta alir proses untuk penghasilan santan cecair• Carta alir proses untuk penghasilan serbuk santan
Peralatan	Senarai semak (Rujuk Lampiran 1)
Ahli kumpulan amalan Industri Hijau dan fungsi	<ul style="list-style-type: none">• Pengurus Premis atau Pemilik:<ul style="list-style-type: none">○ Pengurus mempunyai pengetahuan tentang isu-isu utama premis, kebolehan premis, kesanggupan pihak pengurusan serta juga hala tuju dan perancangan masa depan premis.• Pengurus Pengeluaran:<ul style="list-style-type: none">○ Pengurus pengeluaran mempunyai pengetahuan tentang isu-isu spesifik di bahagian pengeluaran dan pemprosesan. Pengurus pengeluaran juga mempunyai pengetahuan tentang kapasiti dan kadar pengeluaran di premis.
Keluaran	<ul style="list-style-type: none">• Senarai isu-isu utama premis.• Sumber / faktor pembaziran atau kehilangan bahan / tenaga.• Jenis / sumber risiko keselamatan.• Strategi pengumpulan maklumat bagi proses audit.• Jadual masa pengendalian audit (Rujuk Lampiran 2)
Panduan	<ul style="list-style-type: none">• Ambil kira keseluruhan premis• Lengkapkan aktiviti ini dalam masa ½ hingga 1 hari.• Penglibatan pihak pengurusan semasa aktiviti ini adalah disarankan.





FASA 2: AMALAN INDUSTRI HIJAU

8.1 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Proses Penghasilan Produk Santan

Semasa audit dijalankan, pemerhatian dan catatan telah dibuat bagi merekodkan maklumat proses pembuatan santan di premis-premis beserta fungsi-fungsi setiap proses. Rajah 8-1 merupakan proses penghasilan santan secara umum. Jadual 8-1 dan Rajah 8-2 menunjukkan penghasilan serbuk santan.



Rajah 8-1 Proses Penghasilan Santan Secara Umum






Jadual 8-1 Maklumat Proses/Unit Operasi untuk Penghasilan Serbuk Santan

Bil	Jenis	Fungsi
1	Pencungkilan dan pengupasan	Proses mencungkil tempurung kelapa dan mengupas isi kelapa dengan menggunakan mesin pengupas tempurung kelapa.
2	Pengupasan dan pembersihan	Membersihkan dan mengupas kulit ari daripada isi kelapa. Kemudian, menyiram dan membersihkan isi kelapa dengan air bersih.
3	Penghancuran dan pemerahan santan	Menghancurkan dan memerah isi kelapa untuk mendapatkan santan kelapa dengan menggunakan mesin <i>screw press</i> .
4	Penyaringan pertama	Proses untuk mengasingkan sebarang bendasing yang terdapat dalam santan yang boleh mendatangkan kemudatan.
5	Pencampuran	Santan dicampurkan dengan sirap glukosa, natrium kaseinat, maltodekstrin, dan minyak kelapa sawit
6	Pempasteurisasi	Merupakan proses pemanasan santan pada suhu 73.5°C untuk membunuh bakteria patogen dan memastikan ianya selamat untuk dimakan dan membantu mengurangkan penyebaran penyakit, seperti demam kepialu, batuk kering, demam merah, polio dan disentri.
7	Penghomogenisasi	Homogenasi adalah proses untuk mencegah terbentuknya alur krim, untuk menambah kekentalan atau untuk membuat tekstur yang lebih baik dalam produk santan
8	Penyemburan dan pengeringan	Proses ini untuk mengubah cecair santan kepada serbuk kering di bawah suhu 199.3°C dan menghasilkan serbuk yang mempunyai suhu 65°C.
9	Penyaringan kedua	Proses untuk menyaring sebarang bendasing yang terdapat dalam serbuk santan yang boleh mendatangkan kemudatan.
10	Penimbangan dan pembungkusan	Proses penimbangan sebelum ke proses pembungkusan untuk memastikan setiap beg diisi dengan 25kg serbuk santan.
11	Pengesanan logam	Proses untuk mengasingkan sebarang bendasing logam yang terdapat serbuk santan yang sudah siap dibungkus yang boleh menyebabkan kecederaan kepada pengguna.





Rajah 8-2 Carta Alir Proses Penghasilan Serbuk Santan

Di Malaysia, selain penghasilan serbuk santan, terdapat juga pengeluaran berasaskan kelapa yang mengeluarkan santan dalam bentuk cecair. Jadual 82 dan Rajah 83 menggambarkan proses-proses yang terlibat di dalam penghasilan santan cecair.






Jadual 8-2 Maklumat Proses/Unit Operasi untuk Pengeluar Santan Cecair

Bil	Jenis	Fungsi
1	Pencungkilan dan pengupasan	Proses mencungkil tempurung kelapa dan mengupas isi kelapa dengan menggunakan mesin pengupas tempurung kelapa.
2	Pengupasan dan pembersihan	Membersihkan dan mengupas kulit daripada isi kelapa. Kemudian, menyiram dan membersihkan isi kelapa dengan air bersih. Air sisa yang terhasil akan dialirkan ke sistem rawatan effluen.
3	Penceluran	Isi kelapa yang elok akan dipilih dan dicelur dengan air panas untuk memudahkan proses penghancuran.
4	Penghancuran dan pengekstrakan	Menghancurkan dan mengekstrakkan isi kelapa untuk mendapatkan santan kelapa dengan menggunakan mesin <i>screw press</i> .
5	Pempasteurisasi	Merupakan proses pemanasan santan pada suhu 73.5°C untuk membunuh bakteria patogen dan memastikan ianya selamat untuk dimakan dan membantu mengurangkan penyebaran penyakit, seperti demam kepialu, batuk kering, demam merah, polio, dan disentri.
6	Penghomogenisasi	Homogenasi adalah proses untuk mencegah terbentuknya alur krim, untuk menambah kekentalan atau untuk membuat tekstur yang lebih baik dalam produk santan.
7	Pemanasan suhu tinggi lampau (UHT)	Proses pemanasan sehingga suhu 140°C menggunakan kepingan aluminium dilakukan untuk pengawetan santan.
8	Pengisian dan pengedapan aseptik	Proses pembungkusan dalam bekas aseptik melalui proses pemanasan kilat pada suhu tertentu cara yang betul untuk mengekalkan kualiti dan khasiat santan.
9	Pengekodan	Proses kod warna membantu mengekalkan piawaian kebersihan dan mengurangkan " <i>cross-contamination</i> " di seluruh pemprosesan makanan.
10	Pengisian produk	Proses menggunakan mesin pembungkusan yang membentuk papan kadbod kosong dan mengisinya dengan santan kemudian membungkuskan semula dengan merekatkan kadbod itu.
11	Penyusunan	Menyusun santan kotak ke dalam palet secara automatik.
12	Pembungkusan	Produk santan yang telah siap dibungkus akan disimpan di dalam gudang untuk dipasarkan





Rajah 8-3 Carta Alir Proses Penghasilan Santan Cecair




8.2 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penggunaan Bahan Mentah & Produk

Semasa audit dijalankan, pemerhatian dan catatan telah dibuat bagi merekodkan sumber-sumber penggunaan bahan mentah dan produk di premis seperti di dalam Jadual 8-3 dan Rajah 8-4 dalam penghasilan santan cecair serta Jadual 8-4 dan Rajah 8-5 dalam penghasilan serbuk santan.

Jadual 8-3 Kuantiti Bahan Mentah dan Produk dalam Penghasilan Santan Cecair


Bil	Perkara	Kuantiti Penggunaan, kg/sebulan	Peratus Penggunaan, %
Bahan Mentah			
1	Kelapa	1,357,418.84	27%
Produk			
2	Cecair Santan	363,753.25	89%
Produk Sampingan			
3	Tempurung Kelapa	407,225.65	30%
4	Sabut Kelapa	135,741.88	10%
5	Air Kelapa	407,225.65	30%
6	Isi Kelapa	407,225.65	30%



Rajah 8-4 Carta Alir Proses Penghasilan Santan Cecair

Jadual 8-4 Kuantiti Bahan Mentah dan Produk dalam Penghasilan Santan Cecair

Bil	Perkara	Kuantiti Penggunaan, kg/sebulan	Peratus Penggunaan, %
Bahan Mentah			
1	Kelapa	1,357,418.84	27%
Produk			
2	Serbuk Santan	217,935.00	41%
Produk Sampingan			
3	Tempurung Kelapa	535,247.00	30%
4	Sabut Kelapa	178,415.67	10%
5	Air Kelapa	535,247.00	30%
6	Isi Kelapa	535,247.00	30%



Rajah 8-5 bahan Mentah dalam Penghasilan Serbuk Santan

8.3 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penggunaan Tenaga Elektrik (Ringkasan Mengikut Utiliti, Unit Operasi)

Semasa audit dijalankan, pemerhatian dan catatan telah dibuat bagi merekodkan sumber-sumber penggunaan tenaga elektrik di premis dan jenis-jenis peralatan elektrik beserta spesifikasi serta tempoh penggunaan seperti di dalam Jadual 8-5.

Jadual 8-5 Penggunaan Tenaga Elektrik di Industri Santan

Jenis	Bil	Jenis/Lokasi	Nilai Kuasa (kW)	Nilai Tenaga (kWj/Bulan)
Pengeluaran Santan Cecair	1	Bangunan pentadbiran	31.34	8,554.82
	2	Sistem pemampat udara	39.72	18,587.38
	3	Pengeluaran	285.79	133,751.14
	4	Gudang	6.38	2,987.81
Pengeluaran Serbuk Santan	1	Pengeluaran	623.5	275,589.51
	2	Sistem pemanasan	41.26	18,239.17
	3	Sistem penyejukan	24.88	10,996.14
	4	Sistem pemampat udara	28.56	12,624.78
	5	Loji Rawatan Air Sisa	2.56	1,133.16

8.4 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penggunaan Bahan Bakar

Sistem pemanasan merupakan satu sistem penting dalam penghasilan produk berasaskan kelapa. Ini bertujuan bagi memastikan produk tersebut selamat bagi kegunaan manusia. Semasa audit dijalankan, pemerhatian, catatan dan pengiraan telah dibuat bagi merekodkan bahan bakar di premis dan jenis-jenis peralatan elektrik berserta spesifikasi seperti di dalam Jadual 8- 6.

Jadual 8-6 Kecekapan dan Kerugian Dandang Berdasarkan Pembakaran Bahan Api

Jenis		Penggunaan Sebulan	PENGELUAR SANTAN CECAIR				PENGELUAR SERBUK SANTAN	
			Dandang 1		Dandang 2		Dandang	
			Kecekapan	Kerugian	Kecekapan	Kerugian	Kecekapan	Kerugian
PENGELUAR SANTAN CECAIR	Diesel	37,992.50 litre	86.7%	13.3%	88.12%	11.88%	-	-
PENGELUAR SERBUK SANTAN	Biomass	2,476.01 kWj	-	-	-	-	77.5%	22.5%

Jadual 8-7 Tahap Lebihan Udara Bagi Pembakaran yang Optimum

Jenis Bahan Api	Cara Pembakaran	Peratus Lebihan Udara	Peratus O ₂ Mengikut Jumlah
Light Fuel Oil (LFO)	-	5-10%	1-2%
Gas Asli	-	5-10%	1-2%
Arang	Pulverised	15-20%	3-3.5%
Arang	Stoker	20-30%	3-3.5%



% Oxygen	Net Flue Gas Temperature												% Excess Air	% CO2
	80°C	100°C	120°C	140°C	160°C	180°C	200°C	220°C	240°C	260°C	280°C	300°C		
	145°F	180°F	215°F	250°F	290°F	325°F	360°F	395°F	430°F	470°F	505°F	540°F		
0	91.9	91.2	90.4	89.7	88.9	88.2	87.4	86.6	85.9	85.1	84.4	83.6	0	15.9
1	91.8	91.0	90.2	89.4	88.6	87.8	87.0	86.2	85.4	84.6	83.9	83.1	5	15.1
2	91.6	90.8	89.9	89.1	88.3	87.4	86.6	85.8	84.9	84.1	83.3	82.4	10	14.4
3	91.4	90.5	89.7	88.8	87.9	87.0	86.1	85.3	84.4	83.5	82.6	81.7	17	13.6
4	91.2	90.3	89.4	88.4	87.5	86.6	85.6	84.7	83.8	82.8	81.9	81.0	22	12.9
5	91.0	90.0	89.0	88.0	87.0	86.0	85.0	84.1	83.1	82.1	81.1	80.1	30	12.1
6	90.7	89.7	88.6	87.6	86.5	85.4	84.4	83.3	82.3	81.2	80.2	79.1	38	11.3
7	90.4	89.3	88.2	87.0	85.9	84.8	83.6	82.5	81.4	80.2	79.1	78.0	47	10.6
8	90.1	88.9	87.6	86.4	85.2	84.0	82.8	81.5	80.3	79.1	77.9	76.7	58	9.8
9	89.7	88.3	87.0	85.7	84.4	83.1	81.7	80.4	79.1	77.8	76.5	75.1	72	9.1
10	89.2	87.7	86.3	84.9	83.4	82.0	80.5	79.1	77.7	76.2	74.8	73.3	87	8.3
11	88.6	87.0	85.4	83.9	82.3	80.7	79.1	77.5	75.9	74.3	72.8	71.2	105	7.5
12	87.9	86.1	84.4	82.6	80.9	79.1	77.3	75.6	73.8	72.1	70.3	68.5	128	6.8
13	87.0	85.0	83.1	81.1	79.1	77.1	75.1	73.2	71.2	69.2	67.2	65.2	156	6.0
14	85.9	83.6	81.4	79.1	76.8	74.6	72.3	70.0	67.8	65.5	63.3	61.0	194	5.2

(Source: Tables are based on British Standard Recommendations.)

Rajah 8-6 Kecekapan Dandang Berdasarkan Pembakaran Bahan Api



8.5 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penggunaan Air

Semasa audit dijalankan, pemerhatian dan catatan telah dibuat bagi merekodkan penggunaan air di premis seperti di dalam Jadual 8-8.

Jadual 8-8 Kadar Penggunaan Air

Jenis	Lokasi	Penggunaan Sebulan
Pengeluaran santan cecair	Domestik, pembersihan dan lain-lain	3,176.75 m ³
Pengeluaran santan serbuk	Domestik, pembersihan dan lain-lain	7,395.50 m ³

8.6 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penghasilan Air Sisa

Terdapat dua sistem yang berlainan yang digunakan bagi industri penghasilan santan di mana, bagi pengeluaran santan cecair, sistem fizikal-kimia-biologiikal digunakan dan bagi penghasilan serbuk santan, sistem fizikal-biologiikal digunakan. Kadar kuantiti dan kualiti effluen direkodkan adalah seperti di dalam Jadual 8-9 di bawah.

Jadual 8-9 Kuantiti dan Kualiti Effluen Perindustrian

	Jenis Sistem	Jenis	Kuantiti effluen (sebulan)	Kualiti effluen (mg/L)
Pengeluaran santan cecair	Fizikal-Kimia & Biologiikal	Kuantiti effluen	2,301 m ³	-
		Kualiti effluen (Kepekatan Keperluan Oksigen Kimia)	-	70
Pengeluaran santan serbuk	Fizikal dan Biologiikal	Kuantiti effluen	5,200 m ³	-
		Kualiti effluen (Kepekatan Keperluan Oksigen Kimia)	-	54

8.7 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Proses Penghasilan Sisa Pepejal

Terdapat 2 jenis sisa yang dijana daripada proses penghasilan santan iaitu sisa pepejal dan buangan terjadual. Dalam hal ini, sisa pepejal yang terhasil digunakan sebagai bahan bakar kepada dandang dan juga dijual untuk dijadikan santan berkualiti rendah. Kuantiti bagi setiap jenis sisa yang dijana adalah seperti di dalam Jadual 8-10.





Jadual 8-10 Kuantiti Penghasilan Sisa Pepejal dan Buangan Terjadual

Jenis	Bil	Jenis Sisa	Kualiti (kg/sebulan)
PENGELUAR SANTAN CECAIR	1	Sisa Pepejal	14,610.19
	2	Buangan Terjadual	2,500.00
PENGELUAR SERBUK SANTAN	1	Sisa Pepejal	24,601.57
	2	Buangan Terjadual	34.3

8.8 Kadar Penggunaan Elektrik, Air dan Diesel serta Penghasilan Sisa Air dan Sisa Pepejal bagi penghasilan 1kg Santan di Premis

Jadual 8-11 dan Jadual 8-12 merupakan kadar penggunaan elektrik, air, diesel, air sisa dan sisa pepejal dalam penghasilan 1kg produk santan.

Jadual 8-11 Penghasilan 1kg Produk Santan Cecair

Penghasilan 1kg Produk Santan Cecair				
Kadar Penggunaan			Penggunaan CO2	Peratusan Penggunaan CO2 (%)
Elektrik	0.196214	kWj/hari	0.13617	30%
Air	0.008733	m3/hari	0.00699	2%
Diesel	0.104446	liter/hari	0.28200	63%
Air Sisa	0.000443	kg/hari	0.00044	0%
Sisa Pepejal	0.006873	kg/hari	0.02543	6%
Jumlah			0.45103	100%

Jadual 8-12 Penghasilan 1kg Produk Serbuk Santan

Penghasilan 1kg Produk Serbuk Santan				
Kadar Penggunaan			Penggunaan CO2	Peratusan Penggunaan CO2 (%)
Elektrik	0.032217	kWj/hari	0.02236	28%
Air	0.001305	m3/hari	0.00104	1%
Diesel	0.001567	liter/hari	0.0000	0%
Air Sisa	0.000918	kg/hari	0.0000	0%
Sisa Pepejal	0.004342	kg/hari	0.01609	20%
Sisa Berbahaya	0.000006	kg/hari	0.03954	50%
Jumlah			0.07908	100%







8.9 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penilaian Risiko Kesihatan dan Keselamatan

Selain daripada penilaian secara kuantitatif, penilaian secara kualitatif boleh dilaksanakan bagi menilai risiko yang berkemungkinan berlaku di dalam industri ini. Dapatan daripada kajian yang telah dilaksanakan adalah seperti di dalam Jadual 8-13.

Jadual 8-13 Penilaian Kualitatif Terhadap Risiko di Industri

Pemerhatian Risiko	Risiko	TAHAP KESERiusAN (1/2/3/4) 1- Kurang serius 2- Serius 3- Sangat serius Perlu diatasi segera
 <p>Tidak menyediakan topeng penutup mulut dan cecair disinfektan (<i>sanitizer</i>) untuk kegunaan pekerja terutamanya yang bekerja di kawasan yang terdedah dengan serbuk dan debu halus. Risiko juga adalah tinggi semasa proses menghancurkan kelapa kerana tangan pekerja terdedah kepada besi yang tajam.</p>	<p>Habuk sabut kelapa dan bakteria daripada kelapa yang rosak kotor boleh mengundang kesihatan dan berpotensi menyebabkan jangkitan. Risiko kemalangan akibat daripada kecuaiian ketika memegang buah kelapa.</p>	<p>3</p>
 <p>Air basuhan dan air kelapa bertakung di lantai yang menyebabkan lantai licin.</p>	<p>Menyumbang kepada pencemaran bau yang boleh mengundang kesihatan, lantai licin membahayakan pekerja.</p>	<p>3</p>





 <p>Kawasan paip stim yang bocor dan tidak terlindung.</p>	Risiko keselamatan pekerja	2
 <p>Kawasan pengering yang terlalu panas boleh mengancam kesihatan dan prestasi pekerja.</p>	Risiko keselamatan dan prestasi pekerja	2
 <p>Tidak menyediakan saluran air sisa yang baik dan teratur</p>	Menyumbang kepada pencemaran bau yang boleh mengundang kesihatan, lantai licin membahayakan pekerja.	3
 <p>Kawasan sistem pengolahan efluen perindustrian tiada tanda merbahaya</p>	Risiko keselamatan dan pekerja boleh terjatuh ke dalam kawasan tersebut	2





8.10 Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau Bagi Penilaian Tatasusun

Tatasusun yang baik di dalam premis membantu meningkatkan produktiviti di dalam industri di samping mengurangkan risiko kemalangan. Hasil dapatan daripada audit yang telah dilaksanakan, penilaian kualitatif terhadap tatasusun di industri santan adalah seperti di dalam Jadual 8-14.

Jadual 8-14 Penilaian Tatasusun di Premis

Isu Tatasusun	Lokasi
 <p>Susun atur tempat pembersihan isi kelapa yang jauh dari saluran air sisa menyebabkan lantai licin dan sukar untuk pekerja bergerak dengan produktif.</p>	Kawasan mengupas kelapa
 <p>Tidak menyediakan bekas pembuangan kelapa rosak yang sesuai sehingga menyebabkan masalah kebersihan.</p>	Kawasan mengupas kelapa
 <p>Susun atur tempat pembersihan isi kelapa yang jauh dari saluran air sisa menyebabkan lantai licin dan sukar untuk pekerja bergerak dengan produktif.</p>	Zon pembersihan





8.11 Rumusan Pelaksanaan Audit Amalan Industri Hijau

Rumusan penggunaan bahan mentah, bahan api, air, tenaga elektrik dan sisa terhasil berpandukan rekod daripada pihak industri dan pengukuran yang dibuat di lapangan direkodkan di dalam Jadual 8-12.

Jadual 8-15 Rumusan Penggunaan dan Penjanaaan Entiti

	Bil	Perkara	Kuantiti Penggunaan/ Penjanaaan Sebulan	
PENGELUARAN SANTAN CECAIR	1	Penghasilan Produk Santan	363,753.25 kg/sebulan	
	2	Penggunaan tenaga elektrik	71,373.33 kWj/sebulan	
	3	Penggunaan air	3,176.75 m ³ /sebulan	
	4	Penggunaan bahan api diesel	37,992.50 liter/sebulan	
	5	Penjanaaan sisa pepejal	14,610.19 kg/sebulan	
	6	Penjanaaan buangan terjadual	2,500 kg/sebulan	
	7	Penjanaaan air sisa	161.07 kg/sebulan	
PENGELUARAN SERBUK SANTAN	1	Penghasilan produk santan	217,935.00 kg/sebulan	
	2	Penggunaan tenaga elektrik	182,550.40 kWj/sebulan	
	3	Penggunaan air	7,395.50 m ³ /sebulan	
	4	Penggunaan bahan api	a) Diesel	8,880.43 liter/sebulan
			b) Biomas	2,476.01 kWj/sebulan
	5	Penjanaaan sisa pepejal	24,601.57 kg/sebulan	
	6	Penjanaaan buangan terjadual	34.3 kg/sebulan	
7	Penjanaaan air sisa	280.8 kg/sebulan		

8.12 Penganggaran Emisi Karbon Dioksida Premis dan Mengenalpasti Kawasan Tumpuan

8.12.1 Faktor Emisi Karbon

Konsep pengurangan emisi karbon merupakan salah satu indikator yang boleh digunakan bagi membuat penilaian pulangan yang diperolehi dalam aspek alam sekitar. Oleh yang demikian, satu faktor emisi yang setara perlu digunakan bagi memastikan perbandingan yang sempurna dapat dilakukan. Faktor emisi karbon setara adalah seperti di dalam Jadual 8-16.





Jadual 8-16 Faktor Emisi Karbon Setara

Bil	Entiti	Faktor Emisi karbon
1	Air	0.800 kg CO ₂ /m ³ air
2	Elektrik	0.694 kg CO ₂ / kWj
3	Air sisa	1.000 kg CO ₂ /kg air sisa
4	Bahan Api Diesel	2.700 kg CO ₂ / litre diesel
5	Sisa pepejal	3.700 kg CO ₂ /kg sisa

8.12.2 Penghasilan Emisi Karbon Dioksida

Kuantiti emisi karbon dioksida secara keseluruhan bagi premis (gate to gate) boleh dikira dengan menggunakan formula yang tersebut berdasarkan kepada metodologi yang dibangunkan oleh Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC):

$$\text{Emisi karbon dioksida} = \text{FE}_i \times \text{K}_i$$

Di mana;

FE_i = Faktor Emisi Karbon bagi entiti i.

K_i = Kuantiti penggunaan atau penjanaan entiti i.

